



KELDAI JATUH DALAM TELAGA

Ada seorang lelaki yang keldainya jatuh ke dalam telaga. Dia cuba untuk mengeluarkan keldai tersebut dari telaga itu. Namun usaha yang dilakukannya tidak berjaya. Walaupun sudah dicuba beberapa kali. Ini menyebabkan pemilik kedai itu menjadi putus asa untuk menyelamatkan keldainya.

MAHU MENIMBUS KELADAI ITU



Akhirnya dia mengambil keputusan untuk menimbuskan batu dan tanah ke atas keldai tersebut kerana sudah tidak mampu untuk menariknya keluar. Lagipun keldai itu adalah keldai tua. Pada anggapannya tidak berbaloi untuk menyelamatkan keldai tua tersebut. Lalu ia memanggil teman-temannya untuk membantunya bagi menimbus keldai itu.

BATU DAN TANAH MENJADI BATU LONCATAN

Apabila tanah dan batu mula di lemparkan, keldai itu pun meraung sekuat mungkin agar diselamatkan. Namun raungannya tidak dipedulikan. Rupa-rupanya semakin banyak tanah dan batu yang dilemparkan, ia menjadi batu loncatan untuk keldai itu naik ke atas.



KELDAI BERJAYA MENYELAMATKAN DIRI

Keldai tersebut cuba memijak setiap tanah dan batu, sehinggalah dia berjaya melepaskan diri dari telaga itu. Akhir sekali keldai itu terselamat dari kematian kerana ia berusaha untuk menyelamatkan dirinya dicelah batu dan tanah itu. Walaupun tiada siapa peduli untuk menyelamatkannya, keldai tersebut tidak putus asa untuk teruskan hidup dan ia berjaya.

PENGAJARAN



Jadikan musibah sebagai batu loncatan untuk naik ke atas



Jangan kita pernah cepat berputus asa



Jangan jadikan musibah sebagai penghalang kita untuk berjaya

انْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا

“Keluarlah kamu sama ada dalam keadaan ringan atau susah.”

(al-Taubah : 41)